

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN R. SIVARASA**
[SUBANG]

TARIKH : **26 NOVEMBER 2014 (RABU)**

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa FELDA menahan pembayaran dividen FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang diterima dan duit raya pada tahun ini untuk ribuan peneroka-peneroka FELDA yang menyaman FELDA atas isu kadar perahan gred yang rendah dan mengugut peneroka-peneroka tersebut supaya menarik balik saman untuk mendapat duit ini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agihan pembayaran dividen FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) kepada Dana Tabung Amanah Peneroka dan sumbangan Hari Raya kepada peneroka FELDA merupakan sebahagian daripada pelbagai insentif dan sumbangan yang disediakan oleh FELDA.

Pemberian sumbangan Hari Raya kepada peneroka mula diperkenalkan pada tahun 2003. Tujuan pemberian ialah sebagai penghargaan kepada peneroka atas sumbangan yang besar kepada kemajuan industri sawit dan getah negara di samping meringankan beban kewangan peneroka bagi menyambut hari raya.

Pembayaran dividen FGV pula adalah bagi pegangan saham langsung FELDA di dalam FGV sebanyak 20% iaitu atas nama Tabung Amanah Peneroka. Bayaran dividen ini akan diagihkan kepada semua peneroka mengikut kategori yang telah ditetapkan.

Terdapat dua (2) kategori peneroka yang tidak diberi kedua-dua sumbangan berkenaan iaitu:

- (i) peneroka yang terlibat dalam urusan tanah tanpa kebenaran FELDA
- (ii) peneroka yang telah memfailkan saman terhadap FELDA.

Bagi pemberian sumbangan Hari Raya, peneroka yang dikategorikan di bawah perenggan (i) telah tidak dibayar sejak tahun-tahun terdahulu. Manakala bagi kategori (ii) pula tidak dibayar mulai tahun ini. Bagi agihan dividen, penahanan pembayaran dividen sebagaimana diterima melalui Tabung Amanah Peneroka ini adalah untuk kali pertama.

Sejak awal penubuhan, FELDA mengorak langkah dan berkembang atas kesepakatan bersama semua peneroka. Kesepakatan ini diterjemahkan dalam konteks semua peneroka bersama dalam setiap program FELDA, memberi sumbangan dan seterusnya mendapat manfaat bersama dalam model FELDA. Maka rasional penahanan sumbangan ini dilihat daripada sudut untuk memberi lebih dorongan kepada peneroka berkaitan supaya turut serta dalam kelompok bersama FELDA.

FELDA tidak memaksa peneroka untuk menarik balik saman. Sekiranya terdapat peneroka yang menarik balik saman, FELDA menyediakan saluran rayuan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Insentif bagi membolehkan peneroka mendapat kembali insentif berkenaan.

Sekian. Terima kasih.